

Persidangan Kepimpinan Islam

Nilai: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kepimpinan Islam (International Conference on Islamic Leadership atau ICIL 2012) pada 26 dan 27 September ini di Hotel The Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Persidangan bertemakan Intellektual dan Kepimpinan Sarjana Islam Dalam Penyelidikan, Inovasi dan Kreativiti di rantau ASEAN (Intellectuality and Leadership of Muslim Scholars in Research, Innovation and Creativity in ASEAN Region) itu akan dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, pada 26 September ini.

Persidangan berkenaan bertujuan menyediakan landasan bagi membincangkan penemuan terkini hasil penyelidikan, inovasi dan kreativiti dalam kalangan cendekiawan Muslim terutama di rantau Asia Tenggara.

Persidangan itu amat rele-

van dan penting memandangkan perkembangan semasa yang berkaitan pelbagai isu intelektual dan kepimpinan di negara Islam, cabaran besar yang akan ditempuhi dalam era globalisasi dan teknologi canggih,

Beberapa tokoh antarabangsa dan tempatan akan membentangkan pelbagai isu berkaitan, antaranya, Pengerusi Majlis Profesor Negara, Prof Emeritus Datuk Dr Zakri Abdul Hamid; Presiden, Mindanao State University, Prof Dr Macapado A Muslim, dan Prof Hussin Mutalib daripada National University of Singapore.

Pembentang lain ialah Pengarah Pusat Sains Halal, Chulalongkorn University, Thailand, Prof Dr Winai Dahlan; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Sains Malaysia, Prof Dr Asma Ismail serta Prof Datuk Dr Mohd Yusof Othman daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Persidangan ini dijangka disertai 250 peserta. Lebih 60 kertas kerja akan dibentangkan oleh sarjana tempatan dan antarabangsa.